

19 JUL 1999

PAS-Khutbah

CERAMAH POLITIK DI MASJID YANG TEPATI AGAMA HENDAKLAH DIBENARKAN

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Timbalan Presiden PAS Haji Hadi Awang berkata ceramah politik yang menepati ajaran Islam yang diadakan di masjid-masjid seharusnya dibenarkan.

Katanya, apa yang perlu dihalang ialah ceramah politik yang bercanggah dengan ajaran Islam.

"Politik tak boleh dipisahkan dengan agama. Pada zaman dahulupun, ada khutbah baginda Rasullullah di masjid yang merupakan ceramah politik. Khutbah khalifah Islam dahulu juga adalah politik dan apabila mereka dilantik sebagai ketua negara, mereka menyampaikan ucapan melalui mimbar masjid," katanya kepada pemberita di pejabatnya di Bangunan Parlimen.

Beliau diminta mengulas berita muka depan sebuah akhbar harian hari ini yang menyebut bekas Mufti Wilayah Persekutuan Tan Sri Abdul Kader Talib mengingatkan khatib-khatib anti-kerajaan agar menghentikan perbuatan mereka menjadikan masjid sebagai medan politik.

Hadi yang juga Persuruhjaya PAS Terengganu mendakwa terdapat orang politik dari PAS yang mahu berceramah agama di masjid tetapi tidak dibenarkan.

"Seolah-olah berlaku 'double standard.' Apabila orang politik Umno nak berceramah agama di masjid dibenarkan tetapi jika orang politik PAS nak berceramah mengenai isu agama, tidak dibenarkan," katanya.

Ketika ditanya mengenai peluang PAS dan rakan-rakannya dalam pakatan parti pembangkang seperti DAP dan Keadilan memenangi pilihan raya akan datang, beliau berkata peluang itu ada jika semangat Arau (PAS menang dalam pilihan raya kecil kawasan Arau) dan jika kegelisahan rakyat terhadap isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, berpanjangan.

"Kemenangan itu bukan sesuatu yang mustahil tetapi tidak boleh dianggap mudah," katanya.

Ketika ditanya sama ada pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan menjejaskan sokongan rakyat terhadap partinya di negeri itu, beliau berkata; "Faktor Ku Li tidak lagi jadi satu perkara besar. Itu faktor tahun 50-an dan 60-an... sudah tak relevan dalam tahun 90-an," katanya.

Mengenai pembahagian kerusi antara PAS, DAP dan Keadilan pada pilihan raya umum nanti, beliau berkata ia masih dalam perbincangan.

"Pembahagian kerusi masih belum selesai dan kita tak bakhil dalam pembahagian kerusi dan rakan-rakan kita juga tidak tamak," katanya.

Ketika ditanya sama ada PAS akan meletakkan calonnya menentang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kawasan Parlimen Kubang Pasu, Hadi berkata, parti itu sudahpun mempunyai nama-nama tertentu tetapi belum diputuskan lagi.

"PAS Kedah akan tentukan orangnya. Yang pasti calon itu harus berkaliber, popular dan boleh berdepan dengan Perdana Menteri," katanya.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan cadangannya untuk membentangkan rang undang-undang ahli persendirian berkaitan isu murtad pada sesi persidangan kali ini tidak kesampaian, Hadi berkata beliau akan terus memperjuangkan isu itu sehingga berpuas hati perkara berkenaan ditangani kerajaan secepat mungkin.

"Ini kali keempat saya usulkan sejak pertengahan tahun lepas. Bukanlah niat saya untuk menjadikan isu ini isu politik seperti yang didakwa sesetengah pihak," katanya.

Beliau mendakwa jumlah mereka yang murtad mencapai ribuan orang di

seluruh negara berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada jabatan-jabatan agama negeri, tetapi tidak dapat menyatakan angka sebenar.

Mengikut peraturan mesyuarat, semua rang undang-undang kerajaan yang dikemukakan perlu dibahaskan dan diluluskan dahulu sebelum rang undang-undang ahli persendirian boleh dikemukakan.

Persidangan Dewan Rakyat yang bermula 12 Julai lepas akan berakhir Khamis ini dan mengikut Aturan Mesyuarat yang diedarkan hari ini, terdapat tiga lagi rang undang-undang kerajaan yang perlu dibahas dan diluluskan.

-- BERNAMA

NZ NMO